

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Okt./Nov.

2½ jam

5226/2


Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tujuh soalan.*
2. *Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya lima soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.
[Lihat halaman sebelah
SULIT

5226/2 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



5 2 2 6 / 2 - 1

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Jelaskan maksud alam musyahadah berserta contoh. [3 markah]
 (ii) Senaraikan **tiga** contoh alam ghaib. [3 markah]
 (iii) Jelaskan **dua** cara memelihara alam. [2 markah]
- (b) Terangkan **dua** implikasi terhadap individu yang meragui ajaran Islam. [4 markah]

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredayai di sisi Allah ialah Islam”
 (Maksud surah Ali ‘Imran: 19)

- (c) Kemukakan hujah anda bagi membuktikan pernyataan di atas. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** sebab al-Quran menjadi sumber ilmu dalam Islam. [4 markah]

- 2 (a) Nyatakan **tiga** ciri agama langit. [3 markah]


Kitab Suci		Suhuf	
Kitab	Nabi	Bilangan Suhuf	Nabi
Zabur	Daud a.s.	50	Syis a.s.
Taurat	Musa a.s.	30	Idris a.s.
Injil	Isa a.s.	10	Ibrahim a.s.
Al-Quran	Muhammad SAW	10	Musa a.s.

Jadual 1

- (b) Jadual 1 di atas menunjukkan himpunan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT.
 (i) Nyatakan wahyu yang dijamin kekal dan terpelihara. [1 markah]
 (ii) Kemukakan hujah bagi menyokong jawapan anda. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** cara Islam menyelesaikan masalah keruntuhan akhlak sejajar dengan prinsip Waq'iyyah. [4 markah]

Agama Islam sering dikaitkan dengan fahaman ekstrem khususnya apabila berlaku sesuatu insiden keganasan di serata dunia.

- (d) Terangkan **dua** hujah bagi menafikan pernyataan di atas. [4 markah]
- (e) Jelaskan **empat** kelebihan sifat murunah. [4 markah]
- 3** (a) Nyatakan maksud hakim. [2 markah]



Gambar 1

Gambar 2


- (b) Ramalkan kesan buruk terhadap negara sekiranya undang-undang seperti dalam Gambar 1 dan Gambar 2 tidak dipatuhi. [4 markah]
- (c) Manusia bertanggungjawab terhadap Allah SWT dan makhluk lain. Terangkan **dua** tanggungjawab manusia bagi setiap yang berikut:
- Allah SWT [4 markah]
 - Haiwan [4 markah]

“Sesungguhnya setiap orang mukmin itu bersaudara...”
(Maksud surah al-Hujurat: 10)

- (d) Berdasarkan maksud ayat di atas, terangkan **tiga** kebaikan menjalankan ukhuwah dalam Islam. [6 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 4 (a) Senaraikan **empat** sumber harta yang halal. [4 markah]



Gambar 3

- (b) Terangkan **dua** implikasi perbuatan dalam Gambar 3 di atas terhadap kehidupan masyarakat. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** matlamat bekerja terhadap individu. [4 markah]
- (d) Nyatakan **dua** perbezaan antara bekerja sendiri dengan makan gaji. [4 markah]
- (e) Amalan etika kerja Islam mampu meningkatkan produktiviti yang berkualiti. Huraikan. [4 markah]

- 5 (a) Nyatakan **empat** matlamat perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Senaraikan **dua** contoh amalan bagi setiap hukum berikut:
- (i) Sunat
 - (ii) Makruh
 - (iii) Harus
- [6 markah]
- (c) Jelaskan hikmah penetapan hukum sunat. [2 markah]

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia merekodkan sebanyak 48,077 kes perceraian pasangan Islam sehingga Oktober 2016, manakala sebanyak 63,463 perceraian berlaku sepanjang 2015.

Sumber: *Berita Harian*: 17 Ogos 2017


Pernyataan 1

Media sosial dan sesi *reunion* antara punca pasangan curang sehingga menyebabkan perceraian.

Sumber: *Berita Harian*: 17 Ogos 2017

Pernyataan 2

- (d) Adakah anda bersetuju dengan pernyataan 2 di atas?
Berikan hujah untuk menyokong jawapan anda. [4 markah]



Gambar 4

- (e) Gambar 4 menunjukkan majlis persandingan beramai-ramai pasangan pengantin baru.
Terangkan **dua** hikmah diadakan majlis tersebut. [4 markah]

- 6 (a) Jelaskan **empat** matlamat penyelesaian masalah menurut Islam terhadap diri anda. [4 markah]

- (b) Terangkan **tiga** perlakuan yang harus dilakukan oleh seseorang sebelum sesuatu masalah dapat diselesaikan. [6 markah]

Kesalahan rogol adalah kategori paling tinggi bagi kes penderaan seksual kanak-kanak bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei lalu, diikuti cabul, sumbang mahram dan seks luar tabii.

Sumber: BH Online Khamis 27 Julai 2017, 12.06 pm

- (c) Kemukakan bukti perundangan Islam mampu menyelesaikan masalah seperti petikan akhbar di atas. [4 markah]

- (d) Jelaskan **tiga** cara yang berkesan untuk menyelesaikan gejala rasuah menurut perspektif Islam. [6 markah]

- 7 (a) (i) Jelaskan **empat** konsep harta menurut Islam. [4 markah]

- (ii) Terangkan **tiga** cara menguruskan harta menurut Islam. [6 markah]

Profesor Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya (*Kitab al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*) menegaskan hukum memelihara anjing sebagai binatang kesukaan adalah haram.



Pernyataan 3

Gambar 5

- (b) Pada pandangan anda, mengapakah wujudnya sikap ketidakakuratan seperti dalam Gambar 5 terhadap Pernyataan 3? Bincangkan. [4 markah]

- (c) Terangkan **tiga** cara peradaban barat menghakis pemikiran Islam. [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT